



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN PEMBELAJARAN GOOGLE APPS SECARA ATAS TALIAN DALAM KALANGAN PELAJAR EKONOMI ASAS TINGKATAN EMPAT

NOR FADHILAH BINTI ZAINUDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN EKONOMI
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini mengkaji kesan pembelajaran secara atas talian menggunakan Google Apps terhadap pencapaian, minat dan motivasi pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat. Reka bentuk eksperimen kuasi dipilih berdasarkan teknik praujian dan pascaujian. Seramai 103 responden telah dipilih dan dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan eksperimen (53 orang) dan kumpulan kawalan (50 orang). Pelajar dalam kumpulan eksperimen didedahkan dengan Kaedah Pembelajaran Google Apps (KPGA) manakala pelajar kumpulan kawalan didedahkan dengan Kaedah Pembelajaran Konvensional (KPK). Instrumen kajian ini terdiri daripada dua set soal selidik dan dua set soalan ujian iaitu praujian dan pascaujian telah diedarkan kepada kedua-dua kumpulan. Kesan KPGA dan KPK ke atas pencapaian, minat dan motivasi pelajar dianalisis menggunakan ANCOVA dan korelasi *Pearson*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah KPGA adalah berkesan dalam meningkatkan pencapaian, minat dan motivasi pelajar berbanding dengan KPK dalam mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat. Selain itu, terdapat korelasi yang kuat antara minat dan pencapaian pelajar yang didedahkan dengan KPGA untuk belajar. Kesimpulannya kaedah KPGA adalah sangat berkesan digunakan dalam kalangan pelajar Ekonomi Asas Tingkatan Empat kerana mampu meningkatkan pencapaian, minat dan motivasi mereka untuk belajar berbanding dengan KPK. Implikasinya, pembelajaran secara atas talian menggunakan Google Apps mampu meningkatkan prestasi, minat serta motivasi murid terhadap mata pelajaran Ekonomi Asas selain menyediakan kaedah penyampaian yang berbeza dalam pengajaran guru.





THE EFFECTS OF ONLINE GOOGLE APPS LEARNING AMONG FORM FOUR BASIC ECONOMIC STUDENTS

ABSTRACT

This research aims to look at the effects of online Google Apps learning on the achievement, interest and motivation of Form Four students in Basic Economics Subject. Quasi-experimental design was selected based on pre-tests and post-tests. A total of 103 respondents were selected and divided into two groups, the experimental group (53 students) and the control group (50 students). Students in the experimental group were exposed to Google Apps Learning Method (KPGA) while the control group students were exposed to Conventional Learning Method (KPK). The instruments consist of two sets of questionnaires and two sets of test questions which are pre and post-tests were administrated to both groups. The impacts of KPGA and KPK on student achievement, interest and motivation were analyzed using ANCOVA and Pearson correlation. The results show that the KPGA method is effective in improving achievement, interest and motivation among the Form Four students in Basic Economics subject compared to the KPK method. In addition, there is a strong correlation between the interest and the achievement of students who were exposed to the KPGA. In conclusion, KPGA method is very effective to be utilized among students in Form Four Basic Economics subject as it is capable of enhancing students' achievement, interest and motivation. The implication, online Google Apps learning enables improved performance, interests and motivation of students in Economics as well as provided different delivery methods in teaching.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xvi



1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Tujuan Kajian	9
1.5	Objektif Kajian	10
1.6	Persoalan Kajian	11
1.7	Hipotesis Kajian	12
1.8	Kerangka Teori Kajian	13
1.8.1	Kerangka Konseptual Kajian	14
1.9	Kepentingan Kajian	17





1.10	Batasan Kajian	19
1.11	Definisi Operational	19
1.11.1	Pembelajaran atas talian	20
1.11.2	Kaedah Pembelajaran Google Apps (KPGA)	20
1.11.3	Kaedah Pembelajaran Konvensional (KPK)	21
1.11.4	Skor Pencapaian	21
1.11.5	Skor Motivasi	21
1.11.6	Minat	22
1.11.7	Ekonomi Asas	22

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR



2.1	Pendahuluan	23
2.2	Teori-teori Kajian	24
2.2.1	Teori Pembelajaran Behaviorisme	24
2.2.2	Teori Pembelajaran Vygotsky	26
2.3	Pembelajaran atas talian	30
2.4	Penggunaan pembelajaran atas talian	32
2.4.1	Google Apps	32
2.4.2	Gmail	35
2.4.3	Chat	37
2.5	Pencapaian dan Pembelajaran Atas Talian	38
2.6	Minat dan Pembelajaran Atas Talian	40



2.7	Motivasi dan Pembelajaran Atas Talian	42
2.8	Rumusan	44

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	45
3.2	Reka bentuk kajian	46
3.2.1	Ringkasan Kumpulan	47
3.3	Populasi dan Persampelan Kajian	51
3.3.1	Teknik Persampelan	51
3.4	Instrumen Kajian	54
3.4.1	Soal selidik	54
3.4.2	Soalan Praujian dan Pascaujian	56
3.5	Kajian Rintis	56
3.5.1	Kesahan Kajian	57
3.5.2	Kebolehpercayaan Kajian	59
3.6	Prosedur Pemungutan data	60
3.6.1	Prosedur Pembangunan Perisian Pembelajaran menggunakan kaedah Google Apps.	65
3.7	Kawalan Ancaman	71
3.7.1	Sejarah	72
3.7.2	Permatangan	72
3.7.3	Pengujian	73
3.7.4	Instrumentasi	74

3.7.5 Pemilihan	74
3.7.6 Keciciran peserta	75
3.7.7 Interaksi Pemilihan dan Kematangan	75
3.8 Analisis Data	76
3.9 Rumusan	77

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	78
4.2 Penyemakan Data Kajian Sebenar	80
4.2.1 Ujian Normaliti	80
4.2.1.1 Ujian Skewness dan Kurtosis	81
4.2.1.2 Ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk	82
4.2.2 Ujian Korelasi Pearson	83
4.3 Analisis Deskriptif Profil Pelajar	84
4.3.1 Analisis Pelajar mengikut Jantina	84
4.3.2 Analisis Pelajar mengikut Bangsa	85
4.3.3 Analisis Pelajar mengikut Sebab Mengambil Ekonomi Asas	86
4.3.4 Analisis Pencapaian Matematik PMR Pelajar	87
4.3.5 Analisis Pencapaian Kemahiran Hidup PMR Pelajar	88
4.3.6 Analisis Penggunaan Email dan Chat dalam kalangan Pelajar	89
4.4 Pra-Eksperimen	91
4.4.1 Ringkasan Keputusan Pra-Eksperimen	91

4.5	Keputusan Eksperimen	93
4.5.1	Analisis Deskriptif dan Inferensi bagi Skor Pencapaian Pelajar	94
4.5.2	Analisis Deskriptif Skor Praujian dan Pasca ujian	94
4.5.3	Analisis Deskriptif Skor Praujian dan Pasca ujian bagi Minat	96
4.5.4	Analisis Deskriptif Skor Praujian dan Pasca ujian bagi Motivasi	101
4.6	Pengujian Hipotesis	107
4.6.1	Pengujian Hipotesis 1	107
4.6.2	Pengujian Hipotesis 2	108
4.7	Ringkasan bagi Hipotesis Kajian 1 dan 2	109
4.8	Ringkasan Dapatan bagi Soalan Kajian 1 hingga 4	110
4.9	Rumusan	112

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	113
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	114
5.3	Perbincangan	115
5.3.1	Kesan Kaedah Pembelajaran terhadap Skor Pencapaian Akademik	115
5.3.1	Kesan Kaedah Pembelajaran terhadap Minat	119
5.3.1	Kesan Kaedah Pembelajaran terhadap Motivasi	121
5.3.4	Hubungan antara Minat dan Skor Pencapaian Pelajar terhadap Kaedah Pembelajaran	125
5.4.	Implikasi Kajian	128
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	129



5.6 Kesimpulan

131

RUJUKAN

132

LAMPIRAN

142



**SENARAI JADUAL****No. Jadual****Muka Surat**

1.1	Mata pelajaran Min Peratus Kelulusan (%) Peringkat Daerah Kuala Kangsar dalam Peperiksaan SPM (2010-2013)	6
1.2	Analisis Mata Pelajaran Ekonomi Asas SPM (%) Peringkat Daerah Kuala Kangsar Dalam Peperiksaan SPM bagi tahun 2013	6
2.1	Kelebihan dan Kekurangan Penggunaan Emel dalam Pendidikan	36
2.2	Kelebihan dan Kekurangan Penggunaan Chat dalam Pendidikan	37
3.1	Reka bentuk eksperimen-kuasi	46
3.2	Ringkasan Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	48
3.3	Jadual Keputusan Analisis Kebolehpercayaan	60
3.4	Ringkasan Analisis Statistik	76
4.1	Ujian Skewness dan Kurtosis	81
4.2	Keputusan Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk	83
4.3	Korelasi Pearson antara Kovariant (Praujian dan Pascaujian) dengan Pemboleh ubah bersandar (Minat)	84
4.4	Taburan Sampel Berdasarkan Jantina	85
4.5	Taburan Sampel Berdasarkan Bangsa	86
4.6	Taburan Sampel Berdasarkan Sebab Mengambil Ekonomi Asas	87
4.7	Taburan Sampel berdasarkan Pencapaian Matematik PMR	88
4.8	Taburan Sampel berdasarkan Pencapaian Kemahiran Hidup PMR	89





4.9	Taburan Sampel berdasarkan kekerapan Penggunaan Email dan Chat	90
4.10	Min dan Sisihan Piawai (SP) bagi setiap Pemboleh Ubah Bersandar (Pencapaian, minat dan motivasi) mengikut Kaedah Pembelajaran (KPGA dan KPK)	92
4.11	Min, Median, Mod, Sisihan Piawai, Nilai Minimum dan Nilai Maksimum bagi Skor Praujian dan Pascaujian	94
4.12	Ringkasan Perbandingan Min dan Sisihan Piawai (SP) Praujian dan Pascaujian bagi Pemboleh ubah terhadap Kaedah Pembelajaran (KPGA dan KPK)	95
4.13	Ringkasan Perbandingan Min dan Sisihan Piawai (SP) Praujian dan Pascaujian bagi Pemboleh ubah Bersandar (Minat) terhadap Kaedah Pembelajaran (KPGA dan KPK)	96
4.14	Maklum Balas terhadap Minat Pelajar bagi Tempoh Praujian dan Pascaujian terhadap Kaedah Pembelajaran (KPGA dan KPK)	98
4.15	Ringkasan Perbandingan Min dan Sisihan Piawai (SP) Praujian dan Pascaujian bagi Pemboleh Ubah Bersandar Motivasi	102
4.16	Maklum Balas terhadap Motivasi Pelajar bagi Tempoh Praujian dan Pascaujian terhadap Kaedah Pembelajaran (KPGA dan KPPK)	103
4.17	Keputusan Ujian ANCOVA Satu Hala bagi Skor Pascaujian	108
4.18	Korelasi Pearson antara Kovariant (Pascaujian) dengan Pemboleh ubah bersandar (Minat)	109
4.19	Ringkasan Analisis Statistik	110



**SENARAI RAJAH**

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Teori Kajian	14
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	16
3.1	Langkah-langkah Pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi Kumpulan Pembelajaran Google Apps (KPGA) dan Kumpulan Pembelajaran Konvensional (KPK)	49
3.2	Reka bentuk kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.	53
3.3	Prosedur Pemungutan Data	62
3.4	Carta Alir Penggunaan Perisian Google Apps	63
3.5	Nota atas talian dalam bentuk animasi	64
3.6	Soalan isi tempat kosong menggunakan perisian Hot Potatoes	65
3.7	Menjawab soalan mengisi tempat kosong menggunakan perisian Hot Potatoes dan paparan markah.	66
3.8	Soalan teka silangkata menggunakan perisian Hot Potatoes	67
3.9	Menjawab soalan teka silangkata menggunakan perisian Hot Potatoes dan paparan markah yang diperoleh.	68
3.10	Soalan praujian dan pascaujian menggunakan Google Forms	69
3.11	Interaksi pelajar melalui chat.	70
3.12	Komen jawapan pelajar melalui emel	71





SENARAI SINGKATAN

PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PKGA	Pembelajaran Kaedah Google Apps
PKK	Pembelajaran Kaedah Konvensional
ZPP	Zon Perkembangan Proksimal
ANCOVA	<i>Analysis of Covariance</i>
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
SPSS	<i>Statistical Pacakage for the Social Science</i>





SENARAI LAMPIRAN

A1-1	Soal Selidik Set 1
A1-2	Soal Selidik Set 2
B1	Praujian
B2	Pascaujian
C1	Analisis Kebolehpercayaan
C2	Ujian Skewness dan Kurtosis
C3	Ujian Normaliti
C4	Ujian Korelasi Pearson antara Kovariant dan Pembolehubah Bersandar
C5	Analisis Korelari
D1	Surat Lantikan Panel Instrumen Soal Selidik
D2	Komen Panel Instrumen Soal Selidik
D3	Surat Lantikan Panel Instrumen Soal Ujian
D4	Komen Panel Instrumen Soalan Ujian
E1	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian dari EPRD
E2	Surat Pengesahan Status Pelajar Nota
E3	Surat Pengesahan Pelajar Membuat Penyelidikan
F1	Rancangan Pelajaran Harian
F2	Nota





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xvii

F3

Soalan Latihan

F4

Soalan Teka Silang Kata



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, dalam anjakan 7 menekankan manfaat sains dan teknologi bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia. Kemudahan rangkaian 4G melalui 1 Bestari Net di semua 10,000 buah sekolah memberi peluang kepada pelajar memperoleh kandungan bahan pembelajaran yang lebih luas, menarik, interaktif dan berkomunikasi secara maya (Muhyiddin, 2013).

Dalam hal ini, guru perlu mengambil langkah untuk menambahkan kandungan bahan pembelajaran secara atas talian untuk perkongsian bagi melancarkan penyampaian pengajaran guru (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Robiah (2000) dan Johan @ Eddy (2011), juga menekankan bahawa kunci kepada





perkembangan pendidikan pendidikan tinggi di Malaysia hari ini ialah melalui peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP). Ia juga selaras dengan matlamat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia (PIPP) untuk melahirkan pelajar yang mempunyai tahap kemahiran insaniah yang tinggi bagi mengekalkan modal insan melalui kaedah pembelajaran berorientasikan pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2006).

Guru perlu melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menarik dan berkesan yang mengambil kira Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK) serta menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000; Abu Bakar, 2013). Penggunaan aplikasi Google Apps untuk pendidikan merupakan salah satu medium pembelajaran atas talian yang boleh diakses di mana-mana sahaja pada bila-bila masa dengan capaian internet (Nurul Farhana, 2013). Ia merupakan pembelajaran interaktif yang menghasilkan penemuan baru semasa proses penyelesaian masalah secara eksplorasi sendiri mengikut pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran (Zahiah & Abdul Razaq, 2010). Penggunaan Google Apps untuk pendidikan merupakan salah satu pembelajaran atas talian yang boleh diakses tanpa sebarang kos dan menyediakan banyak kemudahan kepada guru serta pelajar (Ting, 2007). Ia diharap dapat meningkatkan prestasi dalam mata pelajaran Ekonomi Asas secara khasnya dan prestasi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) secara keseluruhannya.





1.2 Latar Belakang Kajian

Ekonomi Asas ialah mata pelajaran elektif kepada pelajar- pelajar tingkatan empat dan tingkatan lima di bawah rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mulai tahun 1992 (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1990). Mata pelajaran ini bertujuan membekalkan pengetahuan mengenai prinsip asas ekonomi dan kemahiran mentafsir ekonomi semasa supaya pelajar dapat menyelesaikan masalah berkaitan dengan kehidupan seharian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).

Peperiksaan Ekonomi Asas di peringkat SPM terdiri daripada dua kertas iaitu Kertas 1 dan Kertas 2. Ekonomi Asas bagi Kertas 1 mengandungi 40 soalan objektif yang memerlukan pelajar wajib menjawab semua soalan dalam masa satu jam. Manakala Ekonomi Asas bagi Kertas 2 pula pelajar perlu menjawab empat dari enam soalan yang berbentuk struktur (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).

Pelajar yang mengambil mata pelajaran Ekonomi Asas perlu menguasai kemahiran memahami konsep-konsep dalam ekonomi, melukis dan menghurai keluk serta pengiraan bagi penyelesaian masalah. Kegagalan memahami konsep-konsep ekonomi yang abstrak antara punca utama kegagalan pelajar mengikuti pembelajaran Ekonomi Asas (Khoo, 2008; Yuzliza & Farrah Dina, 2011). Masalah ini ditambah dengan pengaruh faktor dalaman iaitu minat dan sikap pelajar serta faktor luaran termasuklah interaksi pelajar dengan rakan sebaya, penyampaian guru, persekitaran dan kemudahan sekolah (Yuzliza & Farrah Dina, 2011).





Penekanan kepada kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, kecerdasan pelbagai, pembelajaran masteri, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran secara konstruktivisme, dan pembelajaran akses sendiri, penting diaplikasikan oleh guru yang mengajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2000).

Teknik pembelajaran secara kolaboratif telah menjadi satu metodologi dalam sistem pendidikan. Ia menggalakkan penglibatan pelajar secara aktif dan interaksi berlaku antara pelajar dengan bahan pengajaran, pelajar dengan pelajar dan pelajar dengan guru (Rafiza & Siti Zarina, 2013). Keadaan ini menunjukkan proses pengajaran dan pembelajaran yang bergantung sepenuhnya kepada guru, papan hitam dan buku teks adalah kurang sesuai digunakan dalam sistem pendidikan moden kini. Untuk pembelajaran yang aktif berlaku, pembelajaran secara atas talian dapat menggalakkan pelajar-pelajar melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran mereka. Guru-guru perlu menghasilkan bahan pengajaran yang sesuai dengan tahap pelajar (Rafiza & Siti Zarina, 2013).

Kajian-kajian yang lalu tentang strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi mata pelajaran Ekonomi Asas yang berfokus kepada kaedah pembelajaran aktif (Seow, 2011), termasuklah penggunaan bahan bantu secara konkrit iaitu menggunakan peta minda (Wan Noorashikin, 2009) dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) terutamanya melalui penggunaan blog dalam pembelajaran mata pelajaran Ekonomi Asas, (Yusliza & Farah Dina, 2011). Penggunaan ICT banyak berfokus kepada mereka bentuk penghasilan perisian baru, web, portal, facebook dan blog. Kajian penggunaan aplikasi Google Apps dalam pengajaran dan pembelajaran





kurang dikaji sedangkan kaedah ini sangat sesuai terutamanya pelajar- pelajar pada abad ke-21 yang lebih gemar mempelajari kemahiran baru menggunakan teknologi (Yahya, 2005).

Amalan kaedah pembelajaran yang tidak menarik memberi kesan besar kepada prestasi peperiksaan (Nurulhuda, 2014). Tambahan pula mata pelajaran ini disyorkan sebagai mata pelajaran elektif kepada pelajar-pelajar yang mendapat keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang minima (Ramlee & Krishnan, 2012; Roziah, 2007). Teknik pengajaran guru yang lebih kreatif perlu bagi menarik minat pelajar mendalami mata pelajaran Ekonomi Asas seterusnya memotivasikan pelajar untuk mencapai kejayaan dalam mata pelajaran ini. Kaedah Pembelajaran Google Apps (KPGA) yang menggunakan aplikasi emel dan chat merupakan teknik pembelajaran yang bersesuaian dengan sistem pendidikan abad ke 21 yang menuntut semua pihak mengubah strategi pedagogi pengajaran dan pembelajaran (PdP) ke arah ICT.

1.3 Pernyataan Masalah

Keputusan SPM bagi mata pelajaran Ekonomi Asas adalah rendah berbanding dengan mata pelajaran Prinsip Perakaunan yang merupakan mata pelajaran elektif dalam kumpulan yang sama. Perbandingan keputusan ini dapat dilihat melalui Jadual 1.1 berikut dalam jangka masa lima tahun.





Jadual 1.1

Min Peratus Kelulusan (%) Peringkat Nasional dalam Peperiksaan SPM (2011-2015)

Mata Pelajaran	Tahun					Nilai Min
	2011	2012	2013	2014	2015	
Ekonomi Asas	75.6%	80.0%	80.0%	75.8%	80.3%	78.3%
Perdagangan	74.0%	75.7%	76.2%	74.9%	79.2%	76.0%
Prinsip Perakaunan	88.5%	89.7%	90.9%	92.4%	92.4%	90.6%

Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia (2016)

Berdasarkan analisis pencapaian mata pelajaran Ekonomi Asas, Perdagangan dan Prinsip Akaun, min peratus kelulusan peringkat nasional bagi Ekonomi Asas adalah 78.3%, tinggi sedikit berbanding dengan Perdagangan (76.0%) dan Prinsip Perakaunan (90.6%) yang mencatatkan min markah tertinggi dalam kumpulan elektif yang sama.



Jadual 1.2

Analisis Mata Pelajaran Ekonomi Asas SPM (%) Peringkat Nasional dalam Peperiksaan SPM bagi tahun 2015

	Cemerlang			Kepujian				Lulus	
	A+	A	A-	B+	B	C+	C	D	E
SPM 2015	9.6%			27.9%				42.8%	

Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia (2016)

Berdasarkan analisis peratus kelulusan Ekonomi Asas SPM yang ditunjukkan dalam Jadual 1.2, 7.37% pelajar yang memperoleh keputusan gred cemerlang (A+, A dan A-) adalah amat rendah, manakala kebanyakan pelajar hanya memperoleh keputusan gred lulus (D dan E). Kesimpulannya, kebanyakan pelajar gagal memperoleh





keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran Ekonomi Asas dalam peperiksaan SPM. Ini menjejaskan prestasi keseluruhan dalam peperiksaan Ekonomi Asas SPM adalah tidak memuaskan.

Masalah keputusan peperiksaan Ekonomi Asas yang kurang memberangsangkan ini sering dikaitkan dengan pelbagai masalah, seperti latar belakang pelajar yang lemah dalam pencapaian akademik, pelajar yang lemah dalam penguasaan kemahiran pengiraan, persepsi negatif terhadap mata pelajaran ini. Selain itu, kaedah pengajaran yang tidak menarik, pelajar yang malu bertanya kepada guru, pelajar yang kurang berminat untuk belajar, waktu pengajaran yang tidak mencukupi dan lain-lain faktor (Shahrin Nizam, Normala, Norlia & Rohaila, 2008).



Menurut Keller (2009), kekurangan bahan pengajaran yang digunakan oleh guru menyebabkan pelajar hilang minat terhadap sesuatu mata pelajaran. Pelajar juga tidak berminat untuk belajar kerana menganggap pembelajaran di bilik darjah yang tidak memberi makna kepada mereka. Roziah (2007), pula berpendapat pelajar tidak berminat mengikuti pembelajaran mata pelajaran ini kerana ia merupakan subjek elektif sahaja. Atas sebab ini, pelajar mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) tanpa persediaan dan mengamalkan sikap sambil lewa terhadap persediaan atau perbincangan mata pelajaran ini. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Yusliza dan Farah Dina (2011), menunjukkan guru perlu mengubah corak pengajaran dan pembelajaran (PdP) supaya lebih menarik bagi mengatasi masalah kemerosotan minat pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas.





Dalam kajian yang dijalankan oleh Keller (2009), kaedah pengajaran guru dan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru sangat mempengaruhi motivasi terhadap sesuatu mata pelajaran. Ini kerana ia merupakan media yang mampu mewujudkan rangsangan dan mendorong pelajar lebih bermotivasi meningkatkan pencapaian. Menurut Shahabuddin, Rohizani dan Mohd. Zohir (2007), motivasi merupakan tindakan yang menimbulkan keinginan supaya terus berusaha dan belajar. Motivasi yang tinggi terhadap sesuatu mata pelajaran akan meningkatkan tumpuan pelajar untuk memahami pelajaran tersebut (Norlia, Subahan, Lilia, & Kamisah, 2006).

Pelajar yang kurang berminat terhadap mata pelajaran Ekonomi Asas mempengaruhi prestasi pencapaian akademik mereka. Terdapat hubungan positif antara minat dan prestasi pencapaian mereka (Khoo & Zakaria, 2005; Noor Erma & Leong, 2014; Quek, 2006). Dapatan ini bersesuaian dengan kajian terdahulu yang dijalankan oleh Mohd Zahir (2003) dan Norhafiza (2015), mendapati bahawa minat mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Minat yang mendalam terhadap sesuatu mata pelajaran menjadi pendorong pelajar melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran dan memperoleh pencapaian akademik yang baik. Bagi memupuk minat pelajar, guru perlulah mengubah kaedah pengajaran yang lebih menarik (Rossafri & Shabariah, 2011; Norhafiza, 2015)

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) mata pelajaran Ekonomi Asas biasanya dijalankan secara berpusatkan guru atau kaedah kuliah sehala yang menyebabkan pelajar tidak dapat memahami konsep-konsep ekonomi (Roariah, 2007). Kaedah penggunaan bahan ICT secara atas talian ini, mempunyai potensi yang besar untuk memacu proses pembelajaran ilmu dan kemahiran berfikir yang luas. Kaedah





pengajaran guru mestilah selari dengan perkembangan teknologi terkini dan berpusatkan pelajar bagi memberi implikasi yang positif dalam keputusan peperiksaan pelajar (Woolnough, 1994). Ia sesuai diaplikasikan dalam mata pelajaran ini yang mengandungi konsep-konsep ekonomi yang berbentuk abstrak.

Kaedah pengajaran yang tidak menarik menyebabkan pelajar mempunyai persepsi yang negatif terhadap mata pengajaran Ekonomi Asas (Khoo, 2008). Pembelajaran atas talian merupakan satu perkembangan dalam sistem pendidikan hasil daripada ledakan dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (Wong, Sidek, Aida Suraya, Zakaria, Kamariah & Hamidah, 2005). Aplikasi ini telah digunakan dalam pelbagai mata pelajaran termasuklah Bahasa Melayu (Rafiza, 2013), Sains (Norazilawati, Nik Azmah & Rosnidar, 2012), Sastera (Siti Salwa & Jamaludin, 2013) dan Bahasa Arab (Rahimi, Zawawi & Wan Nordin, 2005). Kaedah pembelajaran ini memberi peluang kepada pelajar terlibat secara aktif dalam perbincangan dan semasa menghadapi masalah atau kurang faham sesuatu perkara (Rossafri & Shabariah, 2011). Aplikasi ini berpotensi untuk dikembangkan dalam semua mata pelajaran termasuk mata pelajaran Ekonomi Asas.

Keputusan Ekonomi Asas di peringkat SPM yang mempunyai peratus kegagalan yang tinggi adalah disebabkan oleh faktor guru yang tidak menyampaikan kandungan pengajaran dengan menarik (Shahrin Nizam, Normala, Norlia & Rohaila, 2008). Selain itu, guru-guru perlu mempelbagaikan gaya pembelajaran bagi mencapai hasrat kerajaan melalui PPPM dalam anjakan ke tujuh. Ia juga selaras dengan keperluan pembelajaran Abad ke-21, iaitu untuk melahirkan pelajar yang produktif tinggi serta mahir dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

